

Global Komited, UK Thales jalin kerjasama

Kuala Lumpur: Kumpulan Weststar melalui anak syarikatnya, Global Komited Sdn Bhd memetriai memorandum persefahaman (MoU) bersama UK Thales Air Defence Ltd bagi mengedarkan sistem peluru berpandu Starstreak.

Starstreak adalah bagi menggantikan sistem pertahanan udara teknologi lama dikenali sebagai Starburst yang digunakan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pengarah Urusan Kumpulan Weststar, Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim, berkata MoU itu adalah satu langkah positif ke-

rana ia memberi manfaat kepada ATM serta pasukan bersenjata di rantau ini.

“Ini adalah perkembangan positif untuk industri pertahanan negara kerana MoU ini tidak hanya membabitkan transaksi perniagaan, tetapi juga merangkumi pertukaran teknologi dan pengetahuan sistem pertahanan yang akan memberi manfaat jangka masa panjang.

“Melalui MoU ini, kami diberi hak mempromosi, menge-

dar dan memasarkan sistem peluru berpandu generasi baru Starstreak di negara ini bagi

menggantikan sistem Starburst,” katanya.

Majlis yang diadakan sempena Pameran dan Persidangan Pertahanan Asia (DSA) 2014 itu disaksikan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Azman berkata, sistem peluru berpandu berkenaan boleh dipasang pada kenderaan utama GK-M1 yang turut dipamerkan pada DSA 2014.

“Teknologi ini adalah yang terkini dihasilkan UK Thales yang membolehkan ATM menggantikan sistem Peluru Berpandu Starburst yang digunakan sebelum ini.

“Dengan kerjasama ini, UK Thales memudahkan Global Komited menggabungkan pelbagai sistem rangkaian pertahanan yang lengkap seperti sistem perintah dan kawalan radar untuk menyokong dan melindungi aset penting kerajaan dan tentera,” katanya.